

Deklarasi Semangat Pergerakan Merdeka Mengembalikan Demokrasi dan Memajukan Kebebasan di Malaysia

6 September 2007

Mukadimah

Kami, pertubuhan-pertubuhan masyarakat sivil, berhimpun sempena kemerdekaan lima puluh tahun di Semenanjung Malaysia dan empat puluh empat tahun kemerdekaan Sabah dan Sarawak untuk meraikan kenegaraan kita dan menumpu semula usaha dan anggota-anggota kami ke arah memajukan demokrasi dan kebebasan.

Prinsip-prinsip demokrasi dan kebebasan asasi yang lama diperjuangkan oleh semua warga negara kini semakin terancam dan merosot. Misi kami bukan sahaja untuk mengembalikan nilai-nilai dan amalan demokrasi. Ia juga sekaligus untuk menegaskan semula komitmen kami untuk mempertahankan dan mendukung institusi-institusi dan proses-proses penting yang menjadi ciri-ciri satu sistem demokrasi yang tulen dan maju.

Kami menyeru semua warga negara untuk menyokong dan menyertai kami di dalam usaha mempertahankan system demokrasi yang kukuh, di mana pemisahan kuasa eksekutif, perundangan dan kehakiman, dan mekanisme pengawasan dan pengimbangan kuasa untuk mencegah monopoli atau salahguna kuasa oleh cabang eksekutif dipelihara. Jika tidak, negara kita akan kecundang menjadi negara autokratik dan rakyat kehilangan kebebasan serta dikongkong.

Misi Program

Misi program kami tertumpu kepada pemeliharaan dan pengukuhan hak asasi manusia dan kebebasan asasi yang berteraskan nilai-nilai keterlibatan, kebertanggungjawaban, ketelusan, kesamarataan dan kepelbagaian. Hak asasi manusia, kebebasan dan nilai-nilai tersebut hendaklah sentiasa dipantau dan dipertahankan oleh warganegara dan institusi berkepentingan yang autonomi. Di samping fungsi-fungsi institusi politik yang aktif seperti Parlimen dan kerajaan, kehakiman, media massa dan organisasi masyarakat sivil mempunyai peranan yang penting untuk memajukan perjuangan demokrasi di Malaysia.

Terdapat enam bidang yang perlu diberi penekanan bagi memajukan satu sistem demokrasi yang kuat dan lasak:

1. Mempertahankan Hak-Hak Perlembagaan dengan Memansuhkan Undang-undang autokratik

Hak-hak perlembagaan kita termasuk hak kebebasan peribadi, kebebasan berfikir, hati nurani dan beragama; kebebasan bersuara dan memperolehi maklumat; kebebasan berserikat; dan kesamarataan di bawah undang-undang tanpa diskriminasi. Pelbagai artikel dalam Perlembagaan Malaysia memberikan dasar yang mantap bagi kebebasan-kebebasan tersebut. Bagaimanapun, peruntukan-peruntukan tersebut telah menjadi

semakin lemah dalam masa lima puluh tahun yang lampau, terutamanya di bawah undang-undang darurat yang sudah lama luput tujuan asalnya.

Bagi menegakkan hak-hak seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan kita yang asal, kami menyeru supaya undang-undang berikut dimansuhkan:

- Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960
- Akta Ketenteraman Awam (Pemerliharaan) 1958
- Akta Pencegahan Jenayah 1959
- Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah) 1969
- Ordinan Darurat (Perintah Perlu) 1970
- Peraturan-Peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) 1975
- Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985
- Akta Kediaman Terhadap 1933

Sejak Kemerdekaan, Perlembagaan Persekutuan telah dipinda berkali-kali. Ini telah melunturkan semangat demokrasi yang terkandung di dalam dokumen asal. Bahagian-bahagian yang penting dalam perlembagaan asal, seperti jus soli (hak kerakyatan mengikut kelahiran), pembatasan perbezaan bilangan pengundi diantara kawasan pilihanraya, dan pengawasan Parlimen terhadap kuasa-kuasa darurat telah dipinda-pinda sehingga Perlembagaan Persekutuan yang ada sekarang ini, langsung berganjak daripada versi yang asal dalam hal-hal pokok ini.

Kami menuntut supaya pindaan-pindaan tersebut yang telah mencabuli hak-hak kebebasan asasi dan hak-hak lain yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan dikaji semula. Pembatalan pindaan-pindaan tersebut merupakan langkah yang kritikal dalam mengembalikan hak-hak demokratik dan kebebasan kita.

Kami juga menuntut supaya di antara lain, Persetujuan Antarabangsa Tentang Hak Sivil dan Politik (*International Covenant on Civil and Political Rights*), Persetujuan Antarabangsa Tentang Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya (*International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights*) dan Persetujuan Antarabangsa Tentang Penghapusan Penyeksaan dan Lain-lain Layanan atau Hukuman Yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan dan Menghinakan (*International Convention on the Elimination of Torture, Other Cruel, Inhuman and Degrading Treatment or Punishment*) diraktifikasikan dan prinsip-prinsip undang-undang antarabangsa tersebut diterapkan ke dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang negara.

2. Mengembalikan Kebebasan Kehakiman

Satu ciri utama di dalam semua system demokrasi yang tulen ialah pemisahan kuasa di antara cabang-cabang kerajaan. Konsep utama ini mesti diamalkan bagi melindungi hak-hak perlembagaan di Malaysia. Penggubal-penggubal Perlembagaan yang berpandangan jauh telah memperuntukan “kewibawaan dan keulungan undang-undang, kuasa dan tanggungjawab Mahkamah untuk membatalkan sebarang usaha yang menafikan hak-hak

asasi (seperti terkandung dalam Perlembagaan) samada secara perundangan atau tindakan pentadbiran atau cara lain” (Laporan Suruhanjaya Reid, perenggan 161).

Namun, semenjak 1988, kebebasan kehakiman telah semakin merosot dengan pelbagai tindakan yang bertujuan menghakis kuasa-kuasanya dan membataskan tanggungjawabnya untuk melindungi, memelihara dan mempertahankan Perlembagaan dari sebarang tekanan, termasuk dari eksekutif.

Untuk mengembalikan kebebasan dan integriti kehakiman, kami menyeru semua warganegara supaya menyokong langkah-langkah berikut:

- Mendukung pemerintahan yang berdasarkan undang-undang dan keluhuran Perlembagaan Persekutuan
- Menubuhkan Suruhanjaya Kebebasan Kehakiman untuk memastikan ketelusan dan objektiviti dalam perlantikan dan kenaikan pangkat hakim dan mempertahankan integriti kehakiman.
- Memastikan cabang kehakiman mempunyai kuasa eksklusif untuk menentukan hal-hal yang dibawa ke muka pengadilan menepati kepiawaiannya sebagaimana ditetapkan oleh undang-undang
- Mengharuskan semua keputusan eksekutif tertakluk kepada tinjauan kehakiman

Semua warganegara mesti berwaspada demi memastikan tiadanya campurtangan eksekutif dalam proses kehakiman. Kehakiman yang boleh dimanipulasikan dan bergantung kepada eksekutif akan hanya melemahkan demokrasi.

3. Memastikan Pilihanraya yang adil dan bebas

Demokrasi tulen bukan sahaja bererti warganegara berhak memilih dan memecat pemimpinnya, malah ia juga menuntut satu proses pilihanraya yang memberi kebebasan kepada rakyat untuk memilih parti-parti dan pemimpin-pemimpin politik di semua peringkat baik nasional, negeri mahupun tempatan tanpa tekanan.

Di negara kita, baik di peringkat nasional mahupun negeri, tindakan-tindakan seperti manipulasi sempadan kawasan pilihanraya; jurang perbezaan bilangan pengundi yang amat luas di antara kawasan pilihanraya; penggunaan jentera kerajaan untuk menyokong calon-calon parti politik tertentu; kemunculan pengundi “hantu,” pengundi pos dan pengundi tidak hadir yang semakin berleluasa; dan pelbagai tindakan penyalahgunaan kuasa dan tidak beretika telah melucutkan kredibiliti dan legitimasi proses pilihanraya dan keputusannya.

Kerajaan-kerajaan tempatan membentuk dasar bagi nilai-nilai demokratik dan kebertanggungjawaban di tahap akar umbi. Pada 2hb Mac 1965, pilihanraya kerajaan tempatan telah diberhentikan dengan janji bahawa ianya akan dipulihkan semula “sebaik sahaja keamanan diisytiharkan dan undang-undang darurat ditarik-balik.” Janji ini masih belum dikotakan. Memandangkan pembaziran, salahguna kuasa dan amalan rasuah yang

berleluasa di majlis-majlis perbandaran, perubahan ke atas sistem kerajaan tempatan yang tidak dipilih melalui pilihanraya menjadi semakin mendesak.

Untuk memastikan pemilihan yang bebas dan adil oleh warganegara dalam memilih pemimpin-pemimpin negara, kami menuntut perubahan dalam hal-hal berikut:

- Memperkenalkan semula pilihanraya untuk kerajaan tempatan yang boleh dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri di bawah artikel 113(4) Perlembagaan Persekutuan
- Menegakkan prinsip “satu orang satu undi”, sama ada dengan menghadkan jurang perbezaan saiz kawasan pilihanraya dan menegah amalan pengarisans semula kawasan pilihanraya; atau memperkenalkan sistem perwakilan seimbang di dalam sistem pilihanraya
- Mengamalkan prinsip pentadbiran berkecuali dengan melarang parti pemerintah dari membeli undi dengan janji pembangunan dan penyalahgunaan kemudahan perkhidmatan awam untuk kempen pilihanraya
- Memastikan akses kepada media massa oleh semua parti politik adalah bebas dan saksama
- Menghapuskan amalan kotor pengundian dengan membersihkan senarai pengundi, menghapuskan pengundian pos domestik, dan penggunaan dakwat yang tidak luntur
- Memperkenalkan pilihanraya wakil rakyat dalam Dewan Negara sebagai salah satu daripada agenda perubahan Parlimen

Akhirnya, untuk melindungi kewibawaan proses dan sistem pengundian pilihanraya, pindaan 1962 terhadap Perlembagaan yang membatalkan hak Suruhanjaya Pilihanraya untuk menggariskan kawasan-kawasan pilihannya secara adil hendaklah dimansuhkan. Pada masa yang sama, Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah diberi kuasa penuh untuk menguatkuasakan keputusannya dan bebas dari sebarang tekanan atau pengaruh politik.

4. Memajukan Kebebasan Media Massa

Perkembangan media-massa yang bebas dan tidak berpihak di Malaysia telah dikekang oleh undang-undang yang menindas dan juga penguasaan parti-parti pemerintah ke atas media berita dan penerbitan. Semakin ramai wartawan telah menjadi mangsa kawalan yang dikenakan oleh pemimpin politik dan rakan-rakan kongsi peeniagaan mereka, atau terlibat dalam membuat laporan berita yang berat sebelah.

Banyak seruan telah dibuat untuk memansuhkan Akta Pencetakan dan Penerbitan, Akta Rahsia Rasmi, dan undang-undang keselamatan negeri yang diperkenalkan pada zaman penjajah. Undang-undang ini telah lama luput tujuan asalnya dan perlu digantikan oleh Akta Kebebasan Informasi, yang menyemadikan prinsip-prinsip asasi kebebasan media, dan menghapuskan halangan-halangan yang menghambat kebebasan, di samping menjamin pertanggungjawaban sosial media-massa.

Untuk memastikan kebebasan dan integriti media-massa kita, kami menuntut supaya ditubuhkan satu Jawatankuasa Khas Parlimen Pemindaan Undang-Undang Media, untuk mengkaji:

- Pemansuhan semua undang-undang yang menghambat kebebasan media, termasuk:
 - Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984
 - Akta Hasutan 1948
 - Akta Rahsia Rasmi 1972
- Penggubalan Akta Kebebasan Maklumat bagi mengukuhkan hak orang ramai kepada maklumat awam dan melindungi mereka yang mendedahkan penyalahgunaan kuasa
- Memperkenalkan mekanisme anti-monopoli yang berkesan untuk memastikan kepunyaan and pengawalan industri media yang pluraristik

5. Memupuk keterlibatan masyarakat sivil dan budaya ketelusan serta kebertanggungjawaban

Masyarakat sivil memainkan peranan yang penting dalam sistem demokrasi, terutamanya di dalam konteks Malaysia di mana kuasa perundangan tidak dapat secara berkesannya mengawal kuasa eksekutif. Hari ini, meskipun adanya undang-undang yang menindas dan sekatan yang dikenakan pada ruang demokrasi, banyak pertubuhan dan persatuan masyarakat sivil telah bangkit untuk memperjuangkan hak-hak asasi dan kebebasan dalam bidang-bidang sivil, politik, ekonomi, sosial dan budaya. Melalui kegiatan-kegiatan yang memupuk budaya keterlibatan, ketelusan dan kbeertanggungjawaban serta meningkatkan kesedaran masyarakat awam, pertubuhan-pertubuhan masyarakat sivil telah memainkan peranan penting dalam isu-isu berkepentingan awam dengan memberikan tentangan terhadap unsur-unsur paksaan yang bertujuan melemahkan nilai dan amalan demokrasi.

Bagi membolehkan perkembangan masyarakat sivil yang subur dan kritis, kebebasan bersuara, berpersatuan dan berhimpun mesti dihormati. Kami menuntut pemansuhan Akta Kolei dan Universiti 1971, dasar Universiti Aku Janji, dan Artikel 27, 27A-C Akta Polis 1967 tentang hak berhimpun secara aman. Kami menuntut supaya undang-undang berikut dikaji-semula:

- Akta Pertubuhan 1966
- Akta Persatuan Pekerja 1959
- Akta Polis 1967

Kami menyeru semua warganegara mempertahankan pertubuhan-pertubuhan masyarakat sivil yang diancam kebebasan-kebebasan berpersatuan, berhimpun dan bersuara mereka.

6. Melindungi dan meraikan kepelbagaian

Malaysia adalah sebuah negara yang terdiri dari pelbagai kumpulan etnik, agama, budaya dan bahasa. Kami memperakui bahawa terdapat kesukaran di dalam mendirikan sistem demokrasi yang kukuh disebabkan wujudnya jurang perbezaan yang besar di kalangan

masyarakat kerana kedudukan geografi, etnik, sosio-budaya, dan sebagainya. Oleh yang demikian, kami menyarankan penerimaan empat prinsip umum yang boleh memberi sumbangan ke arah membangunkan demokrasi yang kukuh di dalam masyarakat majmuk kita.

Empat prinsip tersebut ialah:

- Tiada seorang warganegara pun harus didiskriminasikan secara tidak adil dari segi peluang ekonomi dan pendidikan atas alasan etnik, agama, jantina, kelas, kurang upaya, umur mahupun gaya hidup
- Kerajaan harus membuat pelaburan yang secukupnya dalam sektor pendidikan, kesihatan dan lain-lain perkhidmatan awam supaya masyarakat miskin dan terpinggir mendapat peluang untuk memperbaiki kehidupan mereka, dan negara dapat mengurangkan jurang pendapatan dalam ekonomi negara
- Semua individu, kelompok dan komuniti hendaklah menghormati satu sama lain sebagai warganegara yang sama rata dengan hak dan tanggungjawab seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.
- Membasmi rasuah yang begitu menular dan semakin menghakis asas moral dan etika negara, manakala mereka yang tamak, jahat dan tidak berpatutan diberi ganjaran.

1. Alaigal
2. All Women's Action Society (AWAM)
3. Aliran Kesedaran Negara
4. Bar Council Human Rights Committee
5. Centre for Environment, Technology & Development Malaysia (CETDEM)
6. Centre for Independent Journalism (CIJ)
7. Centre for Orang Asli Concerns (COAC)
8. Chinese Language Society, University Putra Malaysia (UPM)
9. Chinese Language Society, University Malaya (UM)
10. Chinese Student Association, University Utara Malaysia (UUM)
11. Chinese Student Council, University Technology Malaysia (UTM)
12. Citizen Think Tank
13. Civil Rights Committee of The Kuala Lumpur and Selangor Chinese Assembly Hall, (CRC-KLSCAH)
14. Community Action Network (CAN)
15. Community Development Center (CDC)
16. Council of Churches of Malaysia (CCM)
17. Food Not Bomb
18. Gabungan Anak Muda dan Pelajar (GAMP)
19. Gabungan Mansuhkan ISA (GMI)
20. Gabungan Rakyat Membantah US-Malaysia FTA
21. Gerakan Mahasiswa Maju University Putra Malaysia (GMMUPM)
22. Group of Concerned Citizens (GCC)
23. Institut Kajian Dasar (IKD)
24. Jaringan Rakyat Tertindas (JERIT)

25. Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa-Mahasiswi, UKM (JKMI)
26. Komuniti Seni Jalan Telawi (KsJT)
27. Labour Resource Center (LRC)
28. Lim Liong Gek Cultural Foundation
29. Malaysia Youth and Student Democratic Movement (DEMA)
30. Malaysian Voters Union (MALVU)
31. Monitoring Sustainability of Globalisation (MSN)
32. National Human Rights Society (HAKAM)
33. Penang Watch
34. Penang Youth Graduate Association
35. People's Parliament
36. Persatuan Alumni LiHua PBTUSM Kuala Lumpur dan Selangor
37. Persatuan Masyarakat Selangor Dan Wilayah Persekutuan (PERMAS)
38. Persatuan Sahabat Wanita Selangor
39. Pusat Janajaya (EMPOWER)
40. Pusat Khidmat Pekerja Tanjung
41. Pusat Komuniti Masyarakat(KOMAS)
42. Rakan Perjuangan Peneroka Bandar (RAKAN)
43. Research for Social Advancement (REFSA)
44. Sarawak Dayak Iban Association (SADIA)
45. Save Our School Damansara (SOS DAMANSARA)
46. Save OurSelves (SOS) Penang
47. Sisters in Islam
48. Solidarity Mahasiswa Putra (SMP)
49. Solidarity Mahasiswa Malaysia (SMM)
50. Student Progressive Front, University Science Malaysia (SPFUSM)
51. Suara Rakyat Malaysia (SUARAM)
52. Tamil Foundation
53. Tenaga Kita
54. The United Kingdom and Eire Council for Malaysian Students (UKEC)
55. University Malaya Association of New Youth (UMANY)
56. Women's Development Collective (WDC)
57. Writers Alliance for Media Independence (WAMI)
58. Yayasan Kajian & Pembangunan Masyarakat (YKPM)
59. Youth for Change (Y4C)
60. Youth Section of The KL & Selangor Chinese Assembly Hall (KLSCAH-Youth)